



Ruj. Kami : ANM (G)NS.127 Jld.3 (10)

Tarikh : 26 Mac 2020

PENGARAH

SEMUA PUSAT PEMBAYAR GAJI

SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

KERAJAAN PERSEKUTUAN

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENYELARASAN KADAR BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP BERIKUTAN
PERTUKARAN TARAF MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat rujukan JPA.SARAAN(S)63/57/2 Jld. 12 (27) bertarikh 17 Mac 2020.

- Adalah dimaklumkan, Kerajaan telah melaksanakan pemberian Bayaran Imbuhan Sara Hidup dengan kadar yang berbeza mengikut kawasan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019. Penentuan kadar mengikut kawasan ini adalah berdasarkan definisi sempadan perbandaran atau status Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Sebagaimana YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum berikutan percantuman Majlis Perbandaran Nilai dan Majlis Perbandaran Seremban kepada Majlis Bandaraya Seremban pada 1 Januari 2020, **Jabatan Perkhidmatan Awam tiada halangan agar penyelarasan kadar Bayaran Imbuhan Sara Hidup daripada Kawasan B ke Kawasan A.** Pelaksanaan ini berkuatkuasa serta merta mengikut tarikh surat yang dikeluarkan oleh JPA iaitu pada 17 Mac 2020. Bersama-sama ini disertakan salinan surat kelulusan JPA untuk rujukan.
- Sehubungan itu, kerjasama daripada semua Pusat Gaji / Pusat Pembayar adalah dipohon untuk menyelaraskan kadar Bayaran Imbuhan Sara Hidup dan membuat perubahan gaji (SG20) bagi pegawai-pegawai yang terlibat disebabkan oleh pertukaran Kawasan B ke Kawasan A sahaja dalam gaji bulan April 2020.

5. Kadar Bayaran Imbuan Sara Hidup dan kaedah pengiraan adalah seperti **Lampiran A**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh diajukan melalui emel gaji_ns@anm.gov.my.

6. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'

Saya yang menjalankan amanah,



(NOOR AZURA BINTI MOHD AZHAR ACCA (UK), C.A.(M))

b.p. Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan

LAMPIRAN A

JADUAL KADAR IMBUHAN SARA HIDUP (COLA)

KUMPULAN	KADAR SEBULAN (RM)	
	SEBELUM 17.03.2020	MULAI 17.03.2020
	KAWASAN B	KAWASAN A
PENGURUSAN & PROFESIONAL	RM250	RM300
PELAKSANA	RM300	RM350

CONTOH PENGIRAAN :
PENYELARASAN BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP (COLA)

KUMPULAN : PENGURUSAN & PROFESIONAL

BULAN	TEMPOH	TELAH TERIMA	PATUT TERIMA	BAKI BELUM TERIMA	KOD WAGE TYPE
MAC	17.03.2020 - 31.03.2020	RM250	RM250 X 16/31 = RM129.03	RM24.19	3362
			RM300 X 15/31 = RM145.16		3362
APRIL	01.04.2020 - 31.12.9999	-	RM300	RM300	1362

LAMPIRAN A

KUMPULAN : PELAKSANA

BULAN	TEMPOH	TELAH TERIMA	PATUT TERIMA	BAKI BELUM TERIMA	KOD WAGE TYPE
MAC	17.03.2020 -	RM300	RM300 X 16/31 = RM154.84	RM24.19	3362
	31.03.2020		RM350 X 15/31 = RM169.35		3362
APRIL	01.04.2020 - 31.12.9999	-	RM350	RM350	1362

NOTA :

- a) Kenaikan ini berkuatkuasa 17 Mac 2020 selaras dengan surat JPA.
- b) Jadual ini hanya contoh sahaja. PTJ perlu memastikan tunggakan COLA pegawai dibayar mengikut amaun sebenar yang pegawai layak.